

Berita Manmin

NO. 14 27 NOVEMBER 2022

“Segala syukur dan kemuliaan bagi Tuhan yang akan memenuhi segala ketentuan-Nya!”



Acara dan Ibadat Sambutan Ulang Tahun Gereja ke-40

Dalam sambutan ulang tahun gereja kita yang ke-40, kita memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan dengan ibadat sambutan dan acara. Lebih-lebih lagi pada tahun ini, pelbagai acara diadakan selama dua minggu pada 9 dan 16 Oktober. Hal ini menambahkan kemeriahan ulang tahun tersebut.

Ibadat sambutan ulang tahun ini yang disiarkan secara langsung menerusi GCN TV dan Internet, ditafsirkan ke dalam lapan bahasa: Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, Perancis, Mongolia dan Vietnam. Individu dari Amerika Syarikat, Israel, Kanada, United Kingdom, Sweden, Switzerland, Rusia, Moldova, Kenya, Republik

Demokratik Kongo, Argentina, Chile, India, Sri Lanka dan Mesir menghantar ucapan tahniah untuk meraikan ulang tahun ini.

Pada pukul 11:30 pagi 9 Oktober, Ibadat Pagi Ahad dipersembahkan dengan khutbah video Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee yang bertajuk ‘Gereja yang Dikasihi-Nya – Syurga’ (Yesaya 60:1-3). Kita memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang menyingkap dunia rohani kepada gereja ini dengan Firman kehidupan, kuasa Tuhan dan budaya pujian.

Dalam Ibadat Petang pada pukul 3:00 sebagai ibadat sambutan, Pemangku Pastor Kanan Dr. Soojin Lee menyampaikan khutbah yang bertajuk ‘Bangkitlah, dan Bersinarlah – Tuhan Sentiasa Menang dalam Peperangan’

(Yesaya 60:1; 1 Samuel 17:47) pada bahagian pertama. Pada bahagian kedua, satu video khas disiarkan untuk merenungkan rahmat Tuhan Bapa yang telah bersama gereja ini melalui Firman, doa, dan kuasa selama 40 tahun.

Dalam Ibadat Pagi Ahad pada 16 Oktober, Dr. Myong-Ho Cheong, Presiden Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus di Afrika menyampaikan khutbah yang bertajuk ‘Bangkitlah, dan Bersinarlah’ (Yesaya 60:1-5). Dalam Ibadat Petang pula, satu ibadat peringatan dan acara sambutan diadakan di Stadium Bucheon.

Kemeriahan ulang tahun bergema di Stadium Bucheon

Pada pukul 3:00 petang 16 Oktober, melalui ibadat dan acara sambutan,

anggota Manmin yang berkumpul di Stadium Bucheon memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Trinita yang telah bersama kita dan melindungi kita.

Bahagian pertama ibadat sambutan dipengerusikan oleh Pastor Hakyoun Lim, Naib Presiden Persatuan Pastor manakala Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin menyampaikan doa perwakilan, diikuti oleh lagu pujian oleh Koir Bersatu dan Orkestra Nissi.

Selepas itu, Pemangku Pastor Kanan Dr. Soojin Lee menyampaikan khutbah yang bertajuk 'Bangkitlah, dan Bersinarlah – Cubaan ialah Berkat' (Yesaya 60:1-3; Roma 8:18) dan beliau berdoa agar kita dapat mengatasi cubaan berkat dengan pengharapan dalam hadirat Tuhan, yang akan dimulakan dengan lebih tinggi daripada sebelumnya, dengan memenuhi semua

ketentuan yang dirancang melalui Manmin dan menjadi pahlawan rohani apabila tiba masanya.

Persembahan sambutan pada bahagian kedua dimulakan dengan lagu pujian oleh Koir Bersatu, diikuti oleh Koir Batu Putih, kumpulan pemain muzik, tarian kipas, gendang dan alat muzik bertali elektronik, tarian penyembahan dan lagu pujian beramai-ramai. Kita memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang bersama kita sehingga ulang tahun ke-40 melalui pujian, tarian dan persembahan. (Gambar-gambar pada muka surat 5)

Pada bahagian ketiga, Misi Lelaki dan Wanita, Misi Kanaan dan Belia, Sekolah Minggu Kanak-kanak dan lain-lain menyediakan pelbagai jenis kios acara seperti Pameran Foto Manmin, Persembahan Peraduan Puisi Empat Baris, Acara Urim Books, Kios Foto, Seni

Belon, Karikatur, Kaligrafi dan Acara Hadaiah untuk memberikan anggota Manmin kenangan gembira. (Gambar-gambar pada muka surat 6)

Semasa ibadat pada 7 dan 14 Oktober (Jumaat), klip video Majalah Manmin disiarkan untuk mengimbas kembali 40 tahun perjalanan iman kita. Selain itu, 'Festival Pujian Manmin 2022' telah diadakan pada 9 Oktober (Ahad), dan 'Peraduan Puisi Empat Baris' diadakan selama dua minggu.

Gereja kita yang mempersembahkan ibadat penubuhan pada 10 Oktober 1982 telah memimpin tidak terhitung banyaknya jiwa ke dalam dakapan Tuhan Yesus melalui injil kesucian lima-lipat dan karya kuasa. Kita akan lebih bertekun dalam iman dengan berfokus kepada kuasa besar dan rencana Tuhan yang akan tersingkap pada masa hadapan.

Ucapan Tahniah

"Tahniah kerana telah 40 tahun menyampaikan cahaya dan kehidupan kepada semua orang di dunia ini!"



Dr. Andre Gasiorowski
Ketua Pengarah Eksekutif
Helping Hand Coalition

"Ulang tahun ke-40 pelayanan anda juga berkat yang besar bagi Amerika Latin."



Rosalba Rodríguez de Rincón
Enlace Colombia

"Terima kasih kepada Dr. Jaerock Lee yang kerana beliau saya dapat menjadi anggota Majlis dan keluarga saya sihat."



Encik Harron Imran Gill
Anggota Majlis Punjab,
Pakistan

"Injil kesucian sedang disebarkan secara meluas melalui Manmin yang dipilih oleh Tuhan."



Pastor Yuriy Konovalov
Biskop Gereja Door of Heaven,
Ukraine

Pemenang "Festival Pujian Manmin 2022"



Hadiah utama dan hadiah populariti /
Dukyung Kim & Bomoon Kim (Gereja Manmin Gumi)



▲ Hadiah emas / Koir Serem (Misi Wanita)



▼ Hadiah perak / Diaken Kanan Kyunghee Kang (Gereja Manmin Daejeon)


Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Ketentuan Tuhan dalam Pakaian Yesus

“Setelah askar-askar itu menyalibkan Yesus, mereka mengambil pakaian-Nya lalu membahaginya menjadi empat bahagian; dan masing-masing mendapat sebahagian. Mereka juga mengambil jubah-Nya yang dibuat daripada sehelai kain yang ditunen dari atas sampai ke bawah tanpa jahitan. Askar-askar bercakap sesama sendiri, ‘Janganlah koyak jubah ini. Marilah kita buang undi untuk menentukan orang yang boleh mendapatnya.’ Hal ini berlaku supaya apa yang tertulis di dalam Alkitab terjadi, ‘Mereka membahagi-bahagi pakaian-Ku, dan membuang undi bagi jubah-Ku’” (Yohanes 19:23-24)

Yesus yang merupakan Anak Tuhan datang ke dunia ini, menanggung penganiayaan yang berat, dan disalibkan. Mengapakah Yesus diaibkan sehingga ditelanjarkan di hadapan umum, dan apakah ketentuan Tuhan yang terdapat pada pakaian dan jubah Yesus?

1. Yesus Menanggung Rasa Malu Ditelanjarkan

Yesus memikul salib kayu pada belakang-Nya sepanjang perjalanan ke Golgota yang dengannya Dia akan disalibkan. Apabila Dia tiba di tempat hukuman mati, para askar mengambil pakaian dan jubah Yesus. Yesus digantungkan pada kayu salib dalam keadaan telanjang. Hal ini adalah untuk memenuhi ayat dalam Mazmur 22:19 yang menyatakan, “mereka membahagi-bahagikan pakaianku dan membuang undi untuk jubahku.” Sebab terdapat penerangan terperinci tentang pakaian Yesus dalam Alkitab adalah kerana pakaian-Nya melambangkan sejarah Israel.

Yesus, satu-satunya Anak Tuhan Yang Maha Tinggi, terpaksa menanggung penghinaan kerana ditelanjarkan di hadapan makhluk yang hina. Apakah sebabnya Yesus harus menanggung penghinaan yang sedemikian? Yesus menanggung penghinaan dan aib yang sepatutnya kita tanggung. Yesus yang tidak berdosa tunduk kepada cemuhan dan penghinaan yang akan dan sepatutnya hanya dikenakan ke atas orang yang berdosa.

Lebih kotor daripada apa-apa kekotoran dan lebih hina daripada semua kehinaan ialah dosa. Oleh sebab ramai orang pada masa ini hidup dalam dosa, mereka juga semakin tidak peduli tentangnya. Walau bagaimanapun, sama seperti cahaya mendedahkan perkara-perkara kegelapan, apabila Firman Tuhan yang merupakan Cahaya menyinari hati kita, semua dosa yang mengaibkan dalam diri kita akan tersingkap. Orang yang tenggelam dalam kekotoran dunia ini dan hidup dalam dosa tidak dapat berani untuk berbuat selamba sahaja apabila hati dan perbuatan mereka yang hina disingkapkan sepenuhnya ketika mereka berhadapan dengan penghakiman Tuhan.

Namun begitu, Yesus menebus kita daripada dosa kita

dan menanggung penghinaan dan aib bagi pihak kita. Sesiapa yang percaya kepada hal ini dapat bebas daripada aib. Oleh itu, setiap kita harus bersyukur atas kasih Tuhan Yesus dengan segenap hati kita dan bersedia untuk mendakap-Nya dengan cara pantas dalam mencapai penyucian yang sempurna.

2. Ketentuan Tuhan dalam Hal Pembahagian Pakaian Yesus oleh Askar

Pakaian Yesus secara rohani mewakili negara Israel dan rakyatnya. Apabila pakaian Yesus terbahagi empat, bentuk asal pakaian itu hilang dan yang tinggal hanyalah cebisan kain. Peristiwa ini menandakan cara Israel akan dimusnahkan. Sama seperti cebisan kain merupakan satu-satunya sisa pakaian Yesus, perkara ini menunjukkan bahawa hanya “orang Israel” akan kekal.

Inilah sebabnya pembahagian pakaian Yesus oleh askar Roma melambangkan cara bangsa Israel akan dimusnahkan oleh orang Roma dan pembahagian pakaian itu kepada empat cebisan menandakan cara orang Israel akan terserak ke empat arah: utara, selatan, timur dan barat.

Nubuat Yesus mengenai kota Yerusalem terdapat dalam Lukas 19:43-44: “Masanya akan tiba apabila musuh mengelilingimu dengan sekatan. Mereka akan mengepung dan mengasak kamu dari segala arah. Mereka akan memusnahkan kamu dan semua pendudukmu. Tidak seketul batu pun akan tertinggal pada tempatnya, kerana kamu tidak tahu masanya Allah datang menyelamatkan kamu!”

Tepat menurut nubuat itu, pada tahun 70 Masihi, Titus, jeneral Roma membawa kemusnahan sepenuhnya ke atas kota Yerusalem. Seperti yang dikatakan oleh Yesus, “Tidak seketul batu pun akan tertinggal pada tempatnya”, Yerusalem telah dimusnahkan sepenuhnya. Semasa pengepungan kota itu, lebih daripada satu juta orang Yahudi dibunuh secara beramai-ramai dan orang yang terselamat daripada pengepungan dan pembunuhan beramai-ramai itu terserak ke semua arah dan akhirnya

tertakluk kepada semua jenis penganiayaan oleh bangsa lain.

Peristiwa yang paling kejam yang menimpa orang Yahudi ialah pembunuhan beramai-ramai yang dilaksanakan oleh rejim Nazi secara sistematik semasa Perang Dunia II. Lebih daripada enam juta orang dibunuh dalam keadaan telanjang hanya kerana mereka ialah orang Yahudi. Sejumlah besar orang dibunuh sebagai salah satu kutukan kerana nenek moyang mereka telah membunuh Yesus yang datang ke dunia ini sebagai Raja mereka.

Orang Yahudi berterusan mendesak kematian Yesus dan mereka berkata, “Kami dan keturunan kami bertanggungjawab terhadap kematiannya!” (Matius 27:25). Oleh itu, mereka menerima pembalasan atas tuntutan mereka, dan mereka hidup dengan melalui sejarah yang kejam. Semua ini dilambangkan dalam peristiwa askar Roma membahagikan pakaian Yesus kepada empat bahagian.

3. Ketentuan Tuhan dalam Peristiwa Askar Membuang Undi untuk Jubah Yesus

Jubah Yesus “tanpa jahitan” bermaksud bahawa pakaian itu tidak dijahit tetapi “sehelai kain yang ditunen dari atas sampai ke bawah”.

Dalam ayat ini, “jubah” bermaksud hati manusia. Jubah Yesus, raja orang Israel, melambangkan hati keturunan Israel dan bermaksud iman mereka kepada Tuhan.

Pengasas Israel, Umat Pilihan Tuhan, ialah Yakub. Tuhan secara peribadi menukarkan nama Yakub kepada “Israel” dan membentuk dua belas suku Israel daripada dua belas orang anak lelaki Yakub. Untuk tempoh yang lama, orang Israel ialah bangsa yang homogen, tidak berkahwin campur dengan lelaki dan wanita daripada bangsa lain, dan mereka menyembah satu-satunya Tuhan.

Kemudian pada masa pemerintahan Rehabeam anak Salomo, perang saudara di Israel memecahkan negara itu kepada Israel di utara dan Yehuda di selatan. Orang Israel di utara kemudiannya mula berkahwin dengan bangsa lain dan mereka kehilangan keutuhan sebagai bangsa yang homogen. Hanya orang Yehuda di selatan menjadi keturunan Israel yang sejati kerana mereka kekal homogen dari segi kaum. Atas sebab ini, sehingga hari ini keturunan Israel disebut sebagai “orang Yehuda”, atau orang Yahudi.

Sama seperti jubah Yesus yang ditunen sehelai, orang Yahudi telah lama kekal sebagai bangsa yang homogen, bermula daripada Yakub, nenek moyang mereka. Itulah

sebabnya askar Roma tidak mengoyakkan jubah Yesus dan hal ini secara rohani melambangkan hati orang Yahudi terhadap Tuhan mereka tidak akan terbahagi atau dimusnahkan oleh manusia. Empayar Roma gagal untuk menghapuskan iman orang Israel.

Walaupun selepas kejatuhan Yerusalem dan kesukaran serta penderitaan yang dialami di seluruh pelusuk dunia selama hampir dua ribu tahun, orang Yahudi tidak kehilangan atau meninggalkan identiti mereka. Akhirnya pada 14 Mei 1948, mereka kembali ke tanah nenek moyang mereka, dan negara yang merdeka dan berdaulat ditubuhkan. Oleh itu, nubuat dalam Yehezkiel 38:8-9 telah dipenuhi. Apakah ada bangsa lain di bumi yang berpegang teguh kepada identiti kebangsaan mereka, dilindungi kerana iman mereka, dan telah memulihkan kenegaraan mereka sebagai satu bangsa kira-kira 1,900 tahun selepas kemusnahannya?

Hati dan iman yang diwarisi oleh orang Israel daripada Yakub, nenek moyang mereka, adalah begitu teguh dan pemeliharaan jubah Yesus meramalkan terungkapnya sejarah itu.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, segala yang tercatat dalam Alkitab dari kejatuhan Yerusalem dan penderitaan orang Yahudi sehingga kemusnahan dan pemulihan Israel telah digenapi. Perkara-perkara yang belum berlaku ialah peristiwa-peristiwa yang akan berlaku pada hari-hari mendatang, dan salah satunya ialah kedatangan Tuhan Yesus dalam masa terdekat untuk membawa kita ke Syurga. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus Kristus agar anda akan berterusan berjaga-jaga dan berdoa, segera melengkapkan perhiasan anda sebagai pengantin Tuhan Yesus Kristus, dan menyambut Tuhan Yesus Kristus yang akan datang lagi untuk menjemput kita.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>

www.manminnews.com

E-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman


1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinitas: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.

5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)
“Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)



Adegan 1. Pembukaan
Koir lagu inspirasi kepada Tuhan
sempena sambutan ulang tahun ke-40



Adegan 3. Pujian Kemenangan
Pujian syukur kepada Tuhan
yang menyertai pelayanan Manmin



Adegan 5. Persembahan Muzik
Kemenangan
Persembahan gendang dan alat muzik bertali
elektronik dengan kesyukuran atas karya Roh
Kudus yang berapi-api



Adegan 7. Kemeriahan Ulang Tahun
Pujian beramai-ramai
dipersembahkan oleh semua anggota
Manmin kepada Tuhan

Kita mempersembahkan dengan rasa syukur yang mendalam dan aroma kasih!

Persembahan Sambutan Ulang Tahun ke-40



Pada 16 Oktober, persembahan sambutan ulang tahun ke-40 yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Seni Persembahan gereja kita diadakan di Stadium Bucheon dengan disiarkan secara langsung menerusi GCN dan Internet.

Melalui pujian, alat muzik dan tarian yang indah, mereka mempersembahkan haruman syukur dan kasih kepada Tuhan Trinitas yang telah bersama kita dan memberikan kita kemenangan dengan firman kehidupan dan kuasa.

Secara khususnya, pujian beramai-ramai yang dinyanyikan oleh anggota persembahan, jemaat dan penonton di rumah serta di luar negara adalah sangat mengharukan.

Orkestra Nissi, Jawatankuasa Seni Persembahan dan staf profesional yang bertanggungjawab atas pencahayaan, bunyi, video dan kesan khas bersama-sama memberi persembahan yang berkualiti tinggi.



Adegan 2. Sambutan Ulang Tahun
Persembahan meraikan
ulang tahun ke-40 dengan satu minda



Adegan 4. Tarian Kemenangan
Tarian kipas tanda kesyukuran
atas kedamaian sejati yang diberikan
selama 40 tahun



Adegan 6. Karya Kuasa
Tarian penyembahan dipersembahkan
kepada Tuhan
yang telah dimulakan melalui kuasa-Nya
yang besar



Finale/
Semua anggota persembahan memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Tritunggal yang telah memelihara dan melindungi gereja kita sehingga ulang tahun ke-40

SOROTAN KHAS

Kios Acara untuk kenangan gembira dengan pelbagai jenis acara



Pameran Foto Manmin di mana kita dapat melihat 40 tahun sejarah Manmin dengan sekilas pandang



33 karya yang memenangi Peraduan Puisi Empat Baris



Acara Urim Books yang berkaitan buku-buku Dr. Jaerock Lee



Studio yang dihias cantik dan studio foto pelekat empat potongan


Sesi foto kenangan dan kios pengalaman belon ajaib untuk kanak-kanak



Kios kaligrafi yang mengungkapkan perasaan bagi perkataan-perkataan yang dipilih



Kios karikatur yang menggambarkan sifat anggota Manmin



Acara hadiah untuk anggota Manmin berseronok dengan pelbagai permainan seperti dart dan belon letup